

Headline	PESONA PULAU KUKUP		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	5T07	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	2164 cm²
Journalist	OlehLAUPAJUNUS laupajunus@hotmail.com	AdValue	RM 43,162
Frequency	Daily	PR Value	RM 129,486



Taman Negara Johor
pastikan kawasan
pemuliharaan
bakau terus dijaga

PESONA PULAU KUKUP

BAKAU-KHAZANAH ALAM YANG TIDAK TERNILAI
MANGROVE - OUR PRICELESS TREASURE

Headline	PESONA PULAU KUKUP		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	5TO7	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	2164 cm²
Journalist	OlehLAUPAJUNUS laupajunus@hotmail.com	AdValue	RM 43,162
Frequency	Daily	PR Value	RM 129,486



Jadi tumpuan aktiviti penyelidikan, konservasi, pelancongan dan pendidikan



HUTAN bakau atau hutan payau laut kebanyakannya berada di pantai barat dan fungsinya kian dikenali sebagai benteng semula jadi kepada hakisan dan ombak selain menjadi habitat pelbagai spesies flora dan fauna.

Sebab itu, hutan bakau semakin disayangi oleh pencinta alam kerana fungsinya tersebut.

Hutan bakau hidup di kawasan kukup berlumpur di pesisiran pantai yang menjadi habitatnya. Kukup berlumpur terbentuk apabila lumpur yang dibawa arus atau sungai terendap di pesisir pantai dan wujud di kawasan terlindung seperti lagun, teluk dan muara.

Keadaan geografi Malaysia yang dikelilingi laut menjadikan negara ini mempunyai pantai yang panjang iaitu dianggarkan 4,809 kilometer dan dikategorikan sebagai berpasir berlumpur dan bertebing curam.

Dengan panjang pantai yang demikian, Malaysia memiliki kawasan hutan payau laut atau bakau yang luas iaitu 641,172 hektar (ha) dengan Sabah mempunyai keluasan 365,468 ha, Sarawak (166,705 ha) dan Semenanjung seluas 108,999 ha.

Headline	PESONA PULAU KUKUP		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	5TO7	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	2164 cm²
Journalist	OlehLAUPAJUNUS laupajunus@hotmail.com	AdValue	RM 43,162
Frequency	Daily	PR Value	RM 129,486

Hutan bakau paling luas di Semenanjung terdapat di Matang, Perak dan kedua di Selangor. Meskipun menyadari peranan dan fungsi hutan bakau, perbuatan eksploitasi untuk tujuan pembangunan dan ekonomi khususnya akuakultur juga menjadi ancaman kepada hutan ini.

Apabila ramai menyadari bakau menjadi benteng kepada tsunami selain memiliki kekayaan daripada kepelbagaian biodiversiti, program pemuliharaan dan penanaman semula giat dijalankan.

Satu daripada usaha tersebut

adalah dengan mewujudkan pusat perlindungan dan pemuliharaan dengan mewartakannya sebagai kawasan dilindungi.

Sebagai contoh, terdapat sebuah pulau di Kukup berhampiran Pontian, Johor yang menjadi mercu tanda kejayaan program konservasi bakau.

Dikenali sebagai Pulau Kukup, ia merupakan pulau bakau kedua terbesar di dunia dengan keluasan 647.5 ha.

Mereka yang ingin berkunjung ke sini digalakkan mendapatkan maklumat daripada pejabat Taman Negara Pulau Kukup sebelum bergerak ke jeti.

Terdapat sebuah jeti yang dibina khas oleh pihak berkuasa Taman Negara Johor untuk menerima kedatangan pelancong dan penyelidik.

Pulau hutan bakau ini tidak dihuni manusia, melainkan menjadi habitat kepada flora dan fauna dan untuk ke sana

agak mudah hanya dengan menaiki bot yang mengambil masa perjalanan kira-kira 10 minit dari Pekan Kukup.

Baru-baru ini rombongan wakil media dan pegawai dari Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar (NRE) Putrajaya dibawa melawat ke pulau tersebut.

Mereka merupakan peserta program Kembara Bersama Media (KBM)-NRE Siri, 4, 5 dan 6 amat teruja dan terpesona dengan program pemuliharaan yang dijalankan di situ.

Penolong Pengurus Taman Negara Johor Pulau Kukup, **Rosmona Musa** ketika taklimatnya kepada peserta

berkata, pulau berkenaan bersama Tanjung Piai dan Sungai Pulai telah diisytiharkan sebagai tapak Ramsar atau tanah lembap berkepentingan antarabangsa pada 31 Januari 2003.

Pewartaan tersebut sejajar dengan hasrat Taman Negara Johor untuk memulihara sumber asli dan menjadikannya khazanah semula jadi untuk empat tujuan utama iaitu pemuliharaan, penyelidikan, pendidikan dan pelancongan alam sekitar (eko pelancongan).

Di sebelah barat daya pulau ini adalah kawasan dataran berlumpur yang menjadi sumber makanan bagi burung hijrah dan hidupan liar yang lain.

Musim burung hijrah biasanya antara September hingga Februari.

"Bentuk muka bumi pulau Kukup agak mendatar, tidak bergunung dan kelihatan seperti pulau terbalik. Ada mitos tempatan menyatakan ia adalah perbuatan sumpahan bunian," kata Rosmona.

Pekan Kukup merupakan kawasan yang

terhampir dengan pulau berkenaan yang merupakan perkampungan nelayan Cina sejak 120 tahun dulu, terkenal dengan makanan laut dan projek sangkar ikan.

"Kukup dikatakan mendapat nama daripada perkataan telungkup, gugup dan kaukub," katanya.

Sebelum itu Kukup menjadi pusat bandar Pontian sebelum Pontian Besar di bawah pemerintahan Syed Muhammad Al-Sagof.

Antara kemudahan yang dibina di situ selain jeti ialah pelantar pejalan kaki sejauh 600 meter, jambatan gantung, kawasan plot penanaman bakau, menara tinjau dan kemudahan asas lain.

Bagaimanapun kemudahan untuk pelancongan melihat kawasan sekitar di atas jambatan gantung belum menjadi kenyataan kerana ia bakal dirobohkan atas faktor keselamatan.

Sesuai dengan empat misi tersebut, penyelidikan dijalankan berkaitan penanaman bakau termasuk mendapat kerjasama Institut Penyelidikan

Perhutanan Malaysia (FRIM) dan Lembaga Pembangunan Wilayah Iskandar (IRDA) dengan pembangunan kemudahan lain.

Penyelidikan lain termasuk berkaitan ikan belacak yang terdapat di situ.

Menurut Pembantu Hidupan Liar, **Ismail Sairan**, antara kemudahan yang bakal dibina termasuklah penambahan kawasan sepanjang satu kilometer dengan

pembinaan kemudahan wakaf dan plot kajian dengan kos dianggarkan RM6 juta.

"Aktiviti konservasi pula menumpukan kepada usaha penanaman bakau dan semaian anak benih," katanya.

Dalam pada itu, menurut Rosmona, setakat ini sebanyak 373 aktiviti penanaman pokok dan 100 semaian telah diadakan di pulau berkenaan manakala 190 aktiviti membersihkan sampah telah dianjurkan.

Selain sebatang pokok bakau daripada spesies *Rhizophora x lamarckii* turut dipulihara di sini tujuan penyelidikan dan pelancongan. Unikunya spesies berkenaan adalah kacukan spesies *Rhizophora apiculata* dan *Rhizophora stylosa*.

Antara keistimewaan lain yang terdapat di situ termasuklah penubuhan Arboretum iaitu satu tempat pelbagai tumbuhan berkayu ditanam untuk tujuan saintifik, pembelajaran dan perhisan.

Gambar AZLAN HADI ABU BAKAR



Antara kemudahan yang bakal dibina termasuklah penambahan kawasan sepanjang satu kilometer dengan pembinaan kemudahan wakaf dan plot kajian dengan kos dianggarkan RM6 juta."

Headline	PESONA PULAU KUKUP		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	5TO7	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	2164 cm²
Journalist	OlehLAUPAJUNUS laupajunus@hotmail.com	AdValue	RM 43,162
Frequency	Daily	PR Value	RM 129,486

VISI JABATAN

- Taman Warisan Dunia yang ekosistemnya mapan, kaya dan pelbagai demi kesejahteraan semesta.
- Terdapat 12 spesies fauna vertebrata dan 23 spesies burung termasuk burung botak kecil.

Statistik kedatangan pelawat

2011 - 36,255

2012 - 35,557

2013 - 44,044

2014 - 37,443

2015 (Setakat ini) - 18,971

Tapak Ramsar di Johor


- Taman Negara Johor (TNJ), Pulau Kukup (647.5 ha).
- TNJ Tanjung Piai (926 ha - termasuk kawasan Ramsar 526 ha).
- TNJ Sungai Pulai (9,126 ha).



Headline	PESONA PULAU KUKUP		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	5T07	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	2164 cm²
Journalist	OlehLAUPAJUNUS laupajunus@hotmail.com	AdValue	RM 43,162
Frequency	Daily	PR Value	RM 129,486



ROSMONA MUSA



PEJABAT Taman Negara Pulau Kukup menyimpan pelbagai spesimen flora dan fauna dari hutan bakau.



ANTARA 'penghuni' utama hutan bakau Pulau Kukup.

Headline	PESONA PULAU KUKUP		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	5TO7	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	2164 cm²
Journalist	OlehLAUPAJUNUS laupajunus@hotmail.com	AdValue	RM 43,162
Frequency	Daily	PR Value	RM 129,486



Headline	PESONA PULAU KUKUP		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 Sep 2015	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	171,663
Page No	5TO7	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	2164 cm²
Journalist	OlehLAUPAJUNUS laupajunus@hotmail.com	AdValue	RM 43,162
Frequency	Daily	PR Value	RM 129,486

